

Hargai alam sekitar bukan sekadar slogan

BERITA HARIAN 25/4/17 M/S 11

Hari Bumi Sedunia yang di-sambut pada 22 April me-nyampaikan mesej alam dan persekitaran manusia me-nerusi pendekatan pendidikan dan penyertaan penduduk du-nya dalam merealisasikan kepe-ruhan semasa. Mengikut carian Google, Hari Bumi juga diraikan menerusi definisi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 20 Mac, tradisi yang dica-nangkan aktivis perdamaian John McConnell pada 1969.

Ia diingati sebagai hari mata-hari tepat berada di garis kha-tulistiwa yang disebut sebagai Ekuinoks. Kini, hari bumi dibe-ringati di lebih 175 negara dan dikoordinasi secara global oleh Ja-riangan Hari Bumi. Tahun ini, te-ma utama Hari Bumi sedunia ia-lah 'Hubungan Manusia dengan Alam.'

Dengan perubahan pantas da-lam menentukan kelestarian hi-dup, tema ini cukup jelas merujuk konsep hubungan bukan hanya kepada Pencipta dan Manusia, te-

tapi merangkumi keperluan ma-nusia sebagai khalifah. Di Malay-sia, Hari Bumi disambut tahun ini dengan menyediakan peranca-angan pengumpulan bahan kitar semula, termasuk mempromosi budaya pelupusan sisa elektronik (*e-Waste*) dalam kalangan masya-rakat.

Bertemakan 'Negaraku, Alam Sekitarku', telah menjadi seolah-olah suatu farhu ain kepada ma-syarakat kita hari ini untuk men-cintai kemakmuran negara bukan hanya sekadar sebuah tanah air dan perjuangan bangsa, tetapi menerobos aspek penghayatan spiritual kepada alam sekitar.

Pertahankan sumber

Sekiranya kita mencintai negara ibarat ibu pertiwi yang wajib di-pertahankan, tidak salah menyatakan bahawa mempertahankan sumber dan mendukung perju-angan pemeliharaan serta pemu-liharaan alam sekitar juga perju-a-ngan yang setara. Menjadi rutin, setiap kali sambutan diraikan, ia

tidak menjadi suatu makna les-tari kepada manusia.

Kita sering terlupa bencana alam, kemusnahan harta benda, pemanasan bumi, kekangan sum-ber, pencemaran berpanjangan dan pelbagai lagi masalah dunia hari ini sebenarnya memerlukan usaha walau sekecil mana dan ti-dak berpaksi kepada tarikh sam-butan sahaja. Kita juga sering di-ujakan dengan angka menggerun-kan berkaitan dengan isu alam sekitar.

Itu termasuk istilah teknikal dan konotasi maklumat alam se-kitar yang agak 'klise' bercirikan kepada pendidikan dan kesedaran untuk mencintai Bumi. Manusia juga sering terlupa atau terleka, memandang bumi didiami ki-ni serupa dengan usia 100 tahun, malahan berbilion tahun lalu.

Tiada lagi bumi kedua atau yang lain untuk manusia diam. Anggaplah pada tahun ini ta-hun perubahan mentaliti dan bu- daya dalam masyarakat, yang se-wajarnya digerakkan di pelbagai

institusi dan komitmen peme-gang taruh yang berkaitan. Bagi meraikan keseriusan sambutan Hari Bumi pada tahun ini, ayat berbentuk kesedaran dan pema-haman harus diganti dengan ak-tiviti yang benar-benar menyongkong komitmen masyarakat.

Tingkat kesedaran

Gunakanlah peluang pada tarikh keramat ini dengan melaksana-kan konsep 'bercakup serupa bi-kin' menerusi program pengisian dengan menyelitkan unsur moti-vasi dan keagamaan.

Hiasi sambutan pada masa ini dengan membudayakan apa yang tidak mampu dilaksanakan pada hari-hari yang lain. Kurangkan gu-na elektrik, memperbanyakkan berjalanan kaki dan berbasikal ber-banding menaiki kenderaan, me-ngitar semula sisa sampah ber-banding bergantung kepada pe-kerja pembersihan dan sebagainya. Tanpa bumi, di ma-nakah agaknya manusia menjun-jung sumbernya!

Komentar



**Prof Madya
Dr Mohd Fadhil
Md Din**

Pengarah Kelestarian Kampus
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)